



KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Aras 11
Menara Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Changkat Semantan, Off Jalan Semantan
Bukit Damansara
50490 KUALA LUMPUR
MALAYSIA



Tel: +603-2083 4334
Faks: +603-2083 4114
Portal Rasmi: www.skm.gov.my
Email : ceo@skm.gov.my

Ruj. Kami : SKM.IP.(AM) 8153/14 JILID 16 (34)
Tarikh : 30 Jun 2026

KOPERASI-KOPERASI BERDAFTAR

YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/Puan,

ARAHAN UMUM: PENDEPOSITAN KUMPULAN WANG RIZAB STATUTORI KE DALAM AKAUN DEPOSIT KOPERASI

Dengan segala hormatnya merujuk perkara di atas.

2. Sepertimana YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan sedia maklum, pelaksanaan Akaun Deposit Koperasi (ADK) merupakan arahan statutori daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Suruhanjaya) yang hendaklah dipatuhi oleh semua koperasi yang layak mendeposit Kumpulan Wang Rizab Statutori (KWRS) menurut penyata kewangan teraudit tahun semasa. Pendepositan ADK hendaklah dilaksanakan dalam tempoh enam bulan selepas tahun kewangan koperasi berakhir selaras dengan subperaturan 5(2) Peraturan-Peraturan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Akaun Deposit Koperasi) 2014.
3. Oleh yang demikian, koperasi dikehendaki mendeposit KWRS semasa bagi **tahun kewangan 2026 dan 2027** ke dalam ADK dalam tempoh enam bulan selepas tahun kewangan koperasi berakhir. Sila ambil perhatian bahawa kegagalan mematuhi arahan ini akan menyebabkan koperasi YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan boleh dikenakan tindakan perundangan.
4. Suruhanjaya telah melantik Koperasi Co-opbank Pertama Malaysia Berhad (Co-opbank Pertama) sebagai Pengurus ADK bagi mengurus dan mentadbir ADK mengikut terma dan syarat yang telah dipersetujui oleh Suruhanjaya. Untuk sebarang pertanyaan,

pihak YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan boleh menghubungi pegawai seperti berikut:

Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Penjelasan ADK)			
Bil.	Nama	No. Telefon	E-mel
1.	Pn. Siti Zanariah binti Makhdar	03-20834237	g_adkofficial@skm.gov.my
2.	En. Mohammad Syahmi bin Abd Rahman	03-20834074	
Coop-bank Pertama (Urusan Pendepositan ADK)			
Bil.	Nama	No. Telefon	E-mel
1.	En. Norhisam bin Selamat	03-26040399	norhisam@cbp.com.my
2.	Pn. Nor Akmal Nadrah bt Ahmad Al Maleke	03-26040399	nadrah@cbp.com.my

5. Bersama-sama ini disertakan Arahan Suruhanjaya Koperasi Malaysia Bilangan 2 Tahun 2019, Ringkasan Panduan Pembukaan Akaun Deposit-i ADK KWRS CBP dan senarai Cawangan Co-opbank Pertama bagi memudahkan urusan tersebut.

6. Kerjasama dan perhatian YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan dalam perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(NOOR AFIFAH BINTI ABDULRAZAK)